

17/08/2002

Sekolah Wawasan diperluas: PM

Zulkofli Jamaludin; Noor Jaafar; Nazura Ngah

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Penubuhan Sekolah Wawasan akan diperluaskan ke seluruh negara kerana konsep itu dapat memupuk semangat perpaduan kaum di Malaysia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, walaupun cara terbaik mengukuhkan integrasi nasional ialah murid dari semua kaum belajar di sekolah kebangsaan, ramai ibu bapa tidak berminat menghantar anak masing-masing ke situ kerana kononnya banyak politik.

Beliau memberikan contoh kenyataan golongan tertentu kononnya orang Islam tidak boleh bercampur dengan bukan Islam, menyebabkan orang bukan Islam tidak berminat belajar di sekolah kebangsaan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan memperluaskan Sekolah Wawasan supaya dapat merapatkan hubungan kanak-kanak daripada pelbagai kaum.

"Saya berharap Sekolah Wawasan diterima sepenuhnya oleh masyarakat pelbagai kaum di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas jamuan tengah hari bersama pemimpin masyarakat di Hotel Grand Continental di sini, hari ini.

Semalam, Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Datuk Mahadzir Mohd Khir berkata penubuhan Sekolah Wawasan adalah jalan terbaik bagi menangani isu pemisahan kaum di sekolah tetapi hasrat itu terbantut kerana ditentang sesetengah pihak.

Mengikut konsep Sekolah Wawasan, sekolah kebangsaan serta sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil ditempatkan di kompleks yang sama dengan berkongsi kemudahan seperti padang permainan dan kantin.

Mengenai pertemuan lima pemimpin kanan Barisan Nasional (BN) yang mewakili kepentingan kaum Cina berhubung isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris hari ini, Perdana Menteri berkata kerajaan tunggu keputusan mereka.

"Dia nak adakan bersendirian. Kita akan tunggu dan dengar. BN belum berbincang mengenai perkara itu," katanya merujuk laporan bahawa MCA, Gerakan, LDP, SUPP dan SAPP akan mengadakan pertemuan itu di pejabat Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik di Putrajaya.

Berucap merasmikan konvensyen BN Terengganu, Dr Mahathir berkata Pas dan pertubuhan Cina, Dong Jiao Zong, sepakat menentang usaha kerajaan mempertingkatkan ilmu pengetahuan di kalangan orang Melayu.

"Kita tak boleh sokong orang ini. Pas nak supaya orang Melayu terus bodoh dan boleh diperalatkan oleh mereka melalui fitnah yang dilemparkan.

Pas tidak suka orang Melayu berilmu pengetahuan kerana orang Melayu yang cerdik pandai akan tahu helah Pas dan menolak parti itu," katanya.